

11/01/2004

Kompleks Budaya bakal ubah imej Kampung Baru

Ziauddin Sharuddin

Penduduk anggap cadangan hanya mendatangkan masalah

FOKUS TIGA

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, puas memujuk penduduk Kampung Baru, agar tanah mereka dimajukan untuk tujuan komersial, tetapi sesetengah penduduk tidak mempedulikannya.

"Ini yang menyebabkan Dr Mahathir berkecil hati dengan sikap penduduk," kata Naib Yang Dipertua Lembaga Pentadbir Malay Agriculture Settlement (MAS), Zakaria Yahaya.

Beliau mengakui, usaha membangunkan Kampung Baru menghadapi pelbagai masalah. Bagi penduduk yang tanah mereka belum dibangunkan, mereka mengalu-alukan sepenuhnya, tetapi bagi mereka yang tanahnya sudah dimajukan dengan pembinaan bangunan tinggi, cadangan itu dianggap hanya mendatangkan masalah.

"Mereka sudah menghabiskan hutang selama belasan tahun untuk membina bangunan itu dan kini menuai hasil dengan mengutip bayaran sewa yang lumayan.

"Apabila sebut mengenai pembangunan, mereka tawar hati. Jika ditanya, mereka beritahu siapa nak berhutang 15 atau 25 tahun lagi," katanya.

Katanya, ada cadangan supaya tanah yang sudah dimajukan diberi kebebasan tidak terbabit dalam pembangunan, tetapi masalah yang timbul ialah Kampung Baru akan dimajukan tanpa mengikut pelan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Selain itu, katanya sesetengah penduduk hanya mahu memajukan tanah dengan bangunan yang paling tinggi lima tingkat sedangkan mengikut perancangan antara 15 dan 20 tingkat.

"Mengikut pelan DBKL, Kampung Baru memang cantik, tetapi orang Kampung Baru apabila tengok takut sebab Jalan Raja Muda Abdul Aziz hingga Jalan Raja Abdullah akan menjadi kawasan komersial dengan bangunan melebihi 10 tingkat," katanya.

Katanya, jumlah penduduk Kampung Baru yang berdaftar kini antara 4,000 hingga 5,000 orang, tetapi bilangan sebenar mungkin lebih tinggi berdasarkan kehadiran warga asing.